



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 17 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	TUBUH JAWATANKUASA TANGANI ISU HARGA BAJA, RACUN, NASIONAL,SH-23 ISENTIF BERSASAR, SUBSIDI BANTU SELESAIKAN ISU HARGA BAJA, RACUN, DALAM NEGERI, UM-29 PUNCA HARGA BAJA, RACUN NAIK, NASIONAL, BH-14 MULLS TARGETED SUBSIDIES ON FERTILIZERS AND PESTICIDES TO HELP FARMERS COPE WITH CHALLENGES, NATION, CHINA PRESS-A6 FARM PRODUCT PRICE INCREASE DUE TO SHORT SUPPLY OF FERTILISER AND PESTICIDE, NATION, KWONG YAH YIT POH-A2 MAFI FORMULATED STRATEGIES TO ENSURE STABLE FOOD SUPPLY, REDUCE DEPENDENCY ON IMPORTS, THE EDGE MARKET-ONLINE MAFI FORMULATED STRATEGIES TO ENSURE STABLE FOOD SUPPLY, REDUCE DEPENDENCY ON IMPORTS, KL SCREENER-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9. 10. 11.	FOKUS AYAM KAMPUNG, BISNES,HM-23 KOPI TOKKIKITER MAKIN POPULAR, PENUHI PELBAGAI CITARASA, BISNES, SH-30 KERANG KAMPAK REZEKI PENDUDUK PANTAI BACHOK, DALAM NEGERI, UM-30 TENGGUJUH : PEMBUAT BOT TAK MENANG TANGAN, DALAM NEGERI, UM-30.	LAIN – LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Tubuh jawatankuasa tangani isu harga baja, racun		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	190 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,028
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,084



## Tubuh jawatankuasa tangani isu harga baja, racun

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menubuhkan jawatankuasa bersama bagi meneliti kaedah untuk menyelesaikan isu kenaikan harga baja dan racun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, langkah itu dibuat bagi membantu petani dan pengusaha kecil yang berhadapan isu kenaikan harga baja dan racun secara mendadak ketika ini.

"Pada 10 November 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Bersama diadakan yang melibatkan pihak berkepentingan termasuk wakil Kementerian dan agensi serta pemain-pemain industri seperti the Malaysian CropLife & Public Health Association (MCPA), Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur-Sayuran

Malaysia dan Persatuan Pekebun Buah-buahan Malaysia (MFFA).

"Berdasarkan perbincangan dan sesi libat urus yang diadakan dengan pihak berkepentingan, antara punca dikenal pasti berhubung isu ini adalah perubahan polisi daripada negara pengeksport, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik serta spekulasi pasaran.

"Apabila bekalan baja dan racun berkurangan di pasaran dengan permintaan sentiasa berterusan, maka peningkatan harga berlaku di sepanjang rantaian pembekalan produk tersebut," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut)** yang memintanya menyatakan apakah



**RONALD**

langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan mengenai isu kenaikan kos input pertanian khususnya baja yang mencecah sehingga 70 peratus sehingga menjejaskan pendapatan petani.

Ronald berkata, MAFI dan KPDNHEP mengemukakan beberapa cadangan secara bersama untuk dipertimbangkan

Jemaah Menteri pada 12 November lalu dengan memberi penekanan supaya kesan pelaksanaan mana-mana inisiatif, intervensi dan program kelak dapat dirasakan oleh rakyat secara berpanjangan.

"Antara cadangan sedang dipertimbangkan untuk menangani isu ini termasuk melalui pelaksanaan subsidi atau insentif bersasar kepada golongan petani yang terkesan," katanya.

Headline	Insentif bersasar, subsidi bantu selesaikan isu harga baja, racun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	29	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	296 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN	AdValue	RM 12,150
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,451



# Insentif bersasar, subsidi bantu selesaikan isu harga baja, racun

Oleh **ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN**  
zareen@utusanmalaysia.com

**KUALA LUMPUR:** Pelaksanaan subsidi atau insentif bersasar merupakan antara cadangan dikemukakan kepada Jawatan Kuasa Bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menyelesaikan isu kenaikan harga baja dan racun secara mendadak.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ro-



**RONALD KIANDEE**

onald Khandee menjawab soalan Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut) mengenai langkah dan tindakan diambil bagi menan-

gati isu kenaikan kos input yang menjejaskan pendapatan petani.

Menjelaskan perkara itu, beliau berkata, cadangan tersebut memberi penekanan supaya kesan pelaksanaan mana-mana inisiatif, intervensi dan program akan memberi manfaat kepada rakyat secara berpanjangan.

"Antara cadangan sedang dipertimbangkan untuk menangani isu ini termasuklah antaranya pelaksanaan subsidi atau insentif bersasar kepada golongan petani terkecasan," katanya dalam sesi pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat

semalam.

Tambah Ronald, jawatan kuasa itu telah mengenal pasti perubahan polisi negara pengesport, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik dan spekulasi pasaran menjadi punca lonjakan mendadak harga baja dan racun.

Menjawab soalan tambahan pula, Ronald berkata, penelitan perlu dilakukan selain aspek penemuan daripada pihak berkepentingan bagi memastikan kebolehlaksanaannya. Perkara tersebut merupakan susulan pelan jangka masa panjang

kementerian yang membabitkan peralihan daripada penggunaan baja kimia kepada jenis lain, termasuk organik.

"Disebabkan kebergantungan kepada komponen luar yang sekarang ini tertakluk kepada perubahan harga secara mendadak, menyebabkan harga baja domestik melambung.

"Langkah berterusan juga akan diambil termasuk berhubung dengan pengohor komponen baja tempatan bagi mengami kesan terhadap kenaikan harga baja dan racun ketika ini," katanya.

Headline	Punca harga baja, racun naik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	14	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	62 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,049
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,148



## Punca harga baja, racun naik

**Perubahan** dasar di negara pengeksport, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik dan spekulasi pasaran dikenal pasti punca lonjakan mendadak harga baja dan racun, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, kebanyakan baja dan racun digunakan petani di Malaysia dihasilkan daripada bahan mentah diimport dari negara luar seperti unsur nitrogen, fosfat dan kalium, selain peningkatan harga juga dikesan di sepanjang rangkaian pembekalan apabila bekalan dua bahan itu berkurangan di pasaran, walaupun permintaan sentiasa berterusan.

Justeru, katanya, Jawatankuasa Bersama Berkenaan Isu Kenaikan Harga Baja dan Racun kementeriannya serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah memberi beberapa cadangan kepada Kabinet, Jumaat lalu.

Headline	Mulls targeted subsidies on fertilizers and pesticides to help farmers cope with challenges		
MediaTitle	China Press		
Date	17 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,267



## 為農民紓困擬補貼肥料農藥

(吉隆坡16日讯)农业与食品工业部正在考量,为农民提供针对性的补贴或奖掖,以解决农业成本上升的问题,特别是肥料和农药。

部长拿督斯里罗南建迪今日在国会下议院部长问答环节,回复巫统而连突区国会议员拿督阿末纳兹兰的提问时指出,这是该部和国内贸易及消费人事务部为了协助受影响农民,所提出的建议。

他指出,该部和贸消部一直都有关注肥料和农药涨价的问题,以确保农作物的生产不受影响、供应充足,以及价格

稳定合理。

他提及,在和利益相关者讨论后,鉴定他们面对的问题包括出口国的政策改变、原料成本涨价,以及物流中断。

“当肥料和农药缺货时,价格就会上涨。”

他说,该部和贸消部在本月12日的内阁会议中,以及共同商讨解决方案,以落实让能让人民长期受益的举措。



■ 罗南建迪

Headline	Farm product price increase due to short supply of fertiliser and pesticide		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	17 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A2	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	65 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 729
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,186



## 罗南建迪：农产品一再涨价 因化肥农药供不应求

(吉隆坡 16 日讯) 政府解释，农产品价格一再上涨，是“僧多粥少”导致，即化肥和农药供应量递减，但农民的需求大增。

农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪坦言，该部已发现化肥和农药成本不断上涨，增加农民的农作成本，进而将增加的成本费，转嫁至农作物。他说，由于市场的化肥和农药供应量减少，但农民对于化肥和农药的需求量却不断上升。因此，他表示，政府考虑为农民提供针对性的补贴或贷款。



罗南建迪

他周二在国会下议院，答复巫统而连党国会议员拿督阿末纳兹兰质询农作成本提高，进而影响农民收入问题时表示，该部已经与国内贸易及消费事务部商讨，并提出有关的助农建议。

“农业部与贸消部持续关注化肥和农药成本提高的问题，因这将影响农作收成、市场供应及价格稳定。”

“为确保农民的生产稳定，并且确保产量充足和稳定国内市场农作物价格，两个部门提出为农民提供针对性补贴和贷款措施。”

罗南建迪也说，农业及食品工业部也已经召集利益相关者，针对农作及原物料成本提高、农作物出口国的政策改变、运输成本和市占率等课题，进行商讨。#



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/11/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

## MAFI FORMULATES STRATEGIES TO ENSURE STABLE FOOD SUPPLY, REDUCE DEPENDENCY ON IMPORTS



**KUALA LUMPUR (Nov 16):** The government will ensure that the country's food system is not affected by any disruption in international trade, especially imported supplies, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Hence the ministry formulated strategies to boost food production under the National Agro-Food Policy 2021-2030 (DAN 2.0) and the National Food Security Policy Action Plan (DSMN) 2021-2025 to reduce the country's dependency on imported sources.

Winding up debate on the Supply Bill 2022 at the policy level in the Dewan Rakyat on Tuesday (Nov 16), Ronald said encouraging cooperation between the private sector through the Large-Scale SMART Paddy Field (SMART SBB) programme and the establishment of specialised agencies under the National Ruminant Board, were among the strategies implemented by the ministry.

"MAFI (Ministry of Agriculture and Food Industries) will also boost efforts to adopt modern technology and Industrial Revolution 4.0 technology; to expand urban agricultural activities and Community Garden (Kebuniti) programmes in suitable areas; as well as to strengthen food security-based research and development to produce high-impact seeds," he said.

Ronald also said MAFI would encourage research based on the development of alternative foods that could potentially substitute rice for dietary purposes, including the development of alternative livestock, in addition to increasing healthy eating campaigns that promote locally produced food commodities.

He said in 2020 the country recorded food imports worth RM55.4 billion compared to RM51.4 billion in 2019, adding that it was to ensure sufficient domestic food supply during the Covid-19 pandemic period.

“Among the food items that contributed to the high import value were cereals and cereal preparations, coffee, cocoa, tea and spices. Other foods included meat, dairy products, animal feed, vegetables and fruits.

“The figure also included 30% of temperate climate rice, vegetables and fruits to meet domestic needs,” he added.

He said the ministry has submitted a proposal to set up a food security division at the ministry level to the Public Service Department.

“At the same time, MAFI will also conduct a study on the National Food Security Blueprint to assess the feasibility of establishing a dedicated entity to formulate, monitor and implement food security-related mandates as a whole under the Second Rolling Plan of the 12th Malaysia Plan in 2022,” he said.

The study which is expected to complete in 2023 will also propose strategies to strengthen the country’s food security for the 2026-2030 period, he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/11/2021	KL SCREENER	ONLINE	

## **MAFI FORMULATES STRATEGIES TO ENSURE STABLE FOOD SUPPLY, REDUCE DEPENDENCY ON IMPORTS**

**KUALA LUMPUR (Nov 16):** The government will ensure that the country's food system is not affected by any disruption in international trade, especially imported supplies, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Hence the ministry formulated strategies to boost food production under the National Agro-Food Policy 2021-2030 (DAN 2.0) and the National Food Security Policy Action Plan (DSMN) 2021-2025 to reduce the country's dependency on imported sources.

Winding up debate on the Supply Bill 2022 at the policy level in the Dewan Rakyat on Tuesday (Nov 16), Ronald said encouraging cooperation between the private sector through the Large-Scale SMART Paddy Field (SMART SBB) programme and the establishment of specialised agencies under the National Ruminant Board, were among the strategies implemented by the ministry.

"MAFI (Ministry of Agriculture and Food Industries) will also boost efforts to adopt modern technology and Industrial Revolution 4.0 technology; to expand urban agricultural activities and Community Garden (Kebuniti) programmes in suitable areas; as well as to strengthen food security-based research and development to produce high-impact seeds," he said.

Ronald also said MAFI would encourage research based on the development of alternative foods that could potentially substitute rice for dietary purposes, including the development of alternative livestock, in addition to increasing healthy eating campaigns that promote locally produced food commodities.

He said in 2020 the country recorded food imports worth RM55.4 billion compared to RM51.4 billion in 2019, adding that it was to ensure sufficient domestic food supply during the Covid-19 pandemic period.

"Among the food items that contributed to the high import value were cereals and cereal preparations, coffee, cocoa, tea and spices. Other foods included meat, dairy products, animal feed, vegetables and fruits.

"The figure also included 30% of temperate climate rice, vegetables and fruits to meet domestic needs," he added.

He said the ministry has submitted a proposal to set up a food security division at the ministry level to the Public Service Department.

"At the same time, MAFI will also conduct a study on the National Food Security Blueprint to assess the feasibility of establishing a dedicated entity to formulate, monitor and implement food security-related mandates as a whole under the Second Rolling Plan of the 12th Malaysia Plan in 2022," he said.

The study which is expected to complete in 2023 will also propose strategies to strengthen the country's food security for the 2026-2030 period, he added.

17/11/2021

HARIAN


BISNES

24

METRO

# Fokus ayam kampung

## RebanbyHasy optimis kuasai 10 peratus pasaran tempatan



Oleh Abnor Hamizan  
Abd Manap  
bisnes@hmetro.com.my

Kota Tinggi

**B**iarpun berdepan pelbagai kekangan terutama modal, RebanbyHasy yakin menguasai 10 peratus pasaran ayam kampung dalam negara bertukar ia mendapat permintaan tinggi.

Pemilikinya, Hafizan Hasyan dari FELDA Bukit Aping Barat, Kota Tinggi, Johor berkata, selain dijual segar,

ayam kampung itu turut dijual beku sebelum diedarkan bagi pasaran tempatan dan Kuala Lumpur.

Katanya, dia perlu fokus berkaitan ayam kampung mempunyai pasaran baik apatah lagi diminati pelbagai kaum.

"Perniagaan sebelum ini mengalami masalah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan selepas menjalankan penyelidikan sendiri mengenai prospek ayam kampung, saya memulakan perniagaan ini bermula 1 Ogos lalu.

"Anak ayam kampung dibeli dari Perak dan modal permulaan ketika itu hanya RM790 manakala infrastruktur seperti reban mengunakan kanopi yang sebelum ini digunakan bagi perniagaan lain," katanya.

Katanya, pasaran ayam kampung sangat meluas

membbolehkan dia berada di landasan betul untuk mengembangkan perniagaan yang dibuat secara sendiri dengan dibantu anaknya.

Katanya, secara jujur dia tidak memiliki kemahiran dalam bidang berkenaan sebaliknya dibantu beberapa orang kenalan yang terlibat dalam bidang penternakan.

"Modal adalah masalah besar berkaitan banyak pihak terutama bank yang khuatir memberi pinjaman kerana tidak yakin dengan perniagaan ayam kampung.

"Alhamdulillah, ketika ini ayam kampung dijual mendapat permintaan baik daripada pelanggan dan bercadang mempelbagaikan cara penjualan ayam ini termasuk menerusi platform e-dagang," katanya.

Menerusi RebanbyHasy, Hafizan dalam proses menyediakan ayam kampung


berempah selain bakal membuka warung ayam kampung, sekali gus melancarkan sayap perniagaan usahakannya.

Ayam kampung segar dijual pada harga RM18 sekilogram manakala sejuk beku dijual pada harga bermula RM19 hingga RM28 mengikut saiz dan berat.

Usahawan PKS dijemput menyertai komuniti sokongan perniagaan dan mendaftar sebagai AhliUSB di [www.omniansb.com.my](http://www.omniansb.com.my) atau hubungi 013-717 2858.



Usahawan Sokongan Berusaha  
www.omniansb.com.my



HAFIZAN menerusi RebanbyHasy malau menguasai 10 peratus pasaran ayam kampung negara.

17/11/2021

SINAR

BISNES

29

HARIAN

Hastrat buka pusat sehati dilengkapi ladang, kilang, kafe dalam tempoh 5 tahun akan datang

Oleh RAHAYU MUSTAFA

MABANG

## Kopi Tokkikiter makin popular, penuhi pelbagai citarasa

**T**okkikiter, Enterprise, pengeluar kopi di bawah jenama Tokkikiter menawarkan pengeluaran kopi sebanyak 500 kilogram (kg) sebulan yang dipasarkan dalam bentuk biji kopi panggang, serbuk dan unciang pada masa akan datang.

Pengurusnya, Humairah Mohd Nasir, 35, berkata, ia peningkatan 50 peratus berbanding pengeluaran kopi antara 250 hingga 300kg sebulan yang dicapai syarikat itu sekarang, berbanding 50kg ketika kopi Tokkikiter mula beroperasi enam tahun lalu.

Memutuskan, penambah-an itu didorong oleh kerjaya-an permisiran. Kopi Tokkikiter yang kini semakin meluas dan bukan terhad di dalam Terengganu sahaja.

"Selain dipasarkan dalam rangkaian pasar raya dan kedai runcit di negeri ini, kopi Tokkikiter juga boleh didapati di kedai terpilih di Pahang dan beberapa negeri lain melalui ejen kita selain turut dijual melalui dalam talian.

"Sesaran kita adalah kopi Tokkikiter berada dalam pasaran di seluruh negara selain turut meneroka peluang di luar negara pula," katanya kepada *Sinar Harian* di pusat permesinan kopi Tokkikiter di Kampung Bukit Gasing, di sini.

Humairah yang meng-



Humairah dan Mohd Mustakim menunjukkan biji kopi panggang, serbuk dan unciang Hastrat Kopi Tokkikiter yang kini semakin mendapat sambutan.

usahakan perniagaan itu bersama suaminya, Mohd Mustakim Mohd Kasuri, 36, berkata, pihaknya kini juga melangkah jauh dengan kemampuan membekalkan kopi secara prakil kepada usahawan dan peniaga kedai kopi.

Selain untuk kegunaan sendiri, katanya, kopi itu juga boleh dibancuh dan diolah mengikut citarasa masing-masing, serta dihalabelkan menggunakan jenama sendiri.

"Jadi, kami mengalu-alukan mana-mana usahawan yang ingin mendapatkan bekalan kopi atau meraka yang berminat untuk mengeluar kopi jenama sendiri," katanya.

Berkongsi kisah permulaan

duk dengan menghasilkan kopi unciang, biji kopi dan air kopi siap dibancuh bagi memenuhi selera pelanggan.

Kata Humairah, beliau juga bersyukur kerana mendapat bimbingan pelbagai agensi seperti Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU), Jabatan Pertanian, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Pemisiran Pertanian Persatuan (FAMA).

Hasilnya, sedikit demi sedikit syarikat itu mula berkembang dan mampu mengagiji socang pekerja.

"Saya menggunakan biji kopi jenis robusta dari Indonesia yang diperolehi dari pembekal tempatan untuk menghasilkan kopi terbaik. Sebelum diproses, biji kopi ini akan dibersihkan terlebih dahulu sebelum dipanggang dan dijadikan serbuk kopi serta unciang.

"Selain robusta, kami juga ada mengeluarkan variasi biji kopi arabica, sebagai usaha memberi lebih banyak pilihan kepada pelanggan," katanya yang memperolehi jualan sekitar RM5,000 hingga RM6,000 sebulan.

Memutuskan, selepas enam tahun berada dalam pasaran, kopi Tokkikiter berhasrat dapat membina sebuah kilang permesinan kopi sendiri yang dilengkapkan dengan mesin dan alat-alat dalam jualan, kafe dan ladang kopi dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Penanaman beberapa pokok kopi turut dibuat sebagai kajian kesesuaian di Terengganu. Ini merupakan langkah awal ke arah merealisasikan impian ini," katanya.



Sesuai biji kopi, serbuk dan unciang, kopi Tokkikiter turut mengahariskan air kopi yang dihasilkan dan jaluannya terhad di dalam Terengganu.

17/11/2021

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

30

# Kerang kampak pantai rezeki penduduk pantai Bachok

Oleh TOREK SULONG  
utusannews@mediamulla.com.my

**BACHOK:** Kawasan pesisir Pantai Baru dan Kuala Melawi, di sini menjadi tumpuan orang ramai selepas ribuan kerang kampak atau *scallop* ditemukan terdampar di situ sejak beberapa hari lalu.

Difahamkan, kehadiran kerang kampak di pesisiran pantai itu mula dikesan beberapa nelayan tempatan yang sedang menjala ikan belanak pada pagi Sabtu.

Nelayan di Pantai Baru, Zahrain Che Ali, 42, memberitahu *Utusan Malaysia*, kali terakhir spesies yang dikategori jarang dijumpai itu muncul di pesisir pantai Bachok ialah kira-kira 20 tahun lalu.

Menurutnya, ribuan kerang itu timbul di permukaan air laut bersama hempasan ombak sebelum terdampar di tepi pantai + sekali gus memudahkan orang ramai mengutipnya.

"Sabtu lalu saya keluar untuk menjala ikan belanak tetapi terlepas melihat ribuan kerang ini terdampar di pantai, saya segera berlari pulang ke rumah kira-kira 200 meter dari pantai untuk

kerang tersebut dengan harga RM5 sekilogram manakala barga runcit kerang itu boleh mencecah RM10 sekilogram.

"Selepas dimasak di restoran makanan laut, harganya mampu mencecah RM50 sekilogram," katanya yang menganggapi kerang itu sebagai rezeki musim tengkujuh setelah hampir dua minggu tidak dapat ke laut.

Nelayan di Kuala Melawi, Ismail Deraman, 44, pula berkata, sebaik sahaja menyedari kehadiran kerang kampak, dia tidak membuang masa dengan menggunakan jala yang ada untuk mengumpul kerang tersebut.

"Rezeki ini di luar jangkaan kerana datang tiba-tiba ketika kami gagal turun ke laut. Bukan sekadar menjadi lauk istimewa buat keluarga, tetapi boleh dijual sebagai sumber pendapatan tambahan.

"Kerang ini sedap digoreng ringkas, dibuat tiga rasa atau sup. Selepas tular di Facebook, semakin ramai orang datang mencari kerang ini sehingga makin berkurangan hari ini berbanding Sabtu dan Ahad lalu," katanya.



**ZAHARI CHE ALI** menggunakan sauk besar untuk menangkap kerang kampak di Pantai Baru, Bachok, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

mengambil sauk.

"Memang ini rezeki luar jangka. Pada hari pertama saya mengutip lebih 100 kilogram kerang kampak dalam tempoh

tiga jam menggunakan sauk bersaiz besar," katanya ketika ditemui di Pantai Baru, di sini semalam.

Zahari berkata, dia menjual

17/11/2021

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

# Tengkujuh: Pembuat bot tak menang tangan

**KUALA KRAI:** Seorang pembuat bot gentian kaca di Dabong, di sini tidak inenang tangan menerima tempahan penduduk yang memerlukannya sebagai pengangkutan utama ketika musim tengkujuh.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Basri Mahmud, 50, berkata, bot tersebut lazimnya ditempah penduduk di kawasan rendah bagi memudahkan mereka berpindah ke lokasi se-alamat apabila rumah dinaiki air.

Penduduk yang mencari rezeki sebagai nelayan di sepanjang tebing Sungai Kelantan turut menjadi pelanggan tetapnya.

"Setakat ini sudah 200 tempahan bot saya terima. Bot ini dijual dengan harga RM1,100 ke atas, bergantung kepada saiz. Biasanya saya buat antara lima hingga tujuh meter panjang dengan muatan empat hingga lapan penumpang," katanya.

Basri yang mula belajar membuat bot sejak 18 tahun lalu



**BASRI Mahmud menurunkan bot gentian kaca dihasilkan di bengkel miliknya di Dabong, Kuala Krai, Kelantan. - UTUSAN/AHMUNI TUAN LAH**

berkata, proses pembuatan bot gentian kaca tidak serumit bot kayu, selain lebih ringan, tahan lama dan mudah diselenggara jika berlaku kebocoran. Kata-

nya, tempahan diterima daripada penduduk sekitar Kuala Krai dan Gua Musang selain Terengganu serta Pahang.